



Ruj.Kami : ANM.JB (A) 70/15 JLD 3(01)
Tarikh : 1 November 2021
25 Rabiul Awal 1443H

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) N. JOHOR

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

PEMANTAUAN DAN PERINGATAN KE ATAS AKAUN BELUM TERIMA (ABT) A0481101 SEHINGGA 31 OKTOBER 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (**SPANM**) Bil. 3 Tahun 2019.

2. Semua PTJ adalah diingatkan untuk menjana dan menyemak **Laporan Invois Terperinci, Laporan Terperinci Usia Hutang dan Laporan Dokumen Pelanggan** melalui sistem iGFMAS setiap minggu.

3. Hasil semakan kami mendapati bahawa terdapat invois tahun sebelum 2021 masih tidak dikutip oleh PTJ. Mohon tindakan semua ptj yang berkenaan agar invois yang telah dikeluarkan perlu dituntut dan mengutip bayaran dengan **kadar segera. Surat tuntutan / peringatan perlu dikeluarkan untuk memastikan tunggakan ABT dapat diselesaikan.** Di bawah adalah contoh jadual surat tuntutan/peringatan seperti di SPANM.

Jadual 1: Contoh Tempoh Surat Tuntutan/Surat Peringatan

BIL	JENIS SURAT	TEMPOH	CATATAN
1	Surat Tuntutan/Invois	Serta-merta	Salinan kepada pihak yang berkaitan
2	Surat Peringatan Pertama (SP 1)	30 hari dari tarikh surat tuntutan/Invois	
3	Surat Peringatan Kedua (SP 2)	14 hari dari tarikh SP 1	
4	Surat Peringatan Terakhir (SP 3)	14 hari dari tarikh SP 2	
5	Rujuk Penasihat Undang-undang Kementerian/Jabatan	Selepas 14 hari dari tarikh SP 3	

4. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Akaun di alamat emel akaun_jhr@anm.gov.my / Puan Nirmala a/p Thirumalai samb. 1149/0167255004 atau Puan Azianty Bt Yunos samb. 1157/0187709433

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengambil tindakan pemantauan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.


Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(NIRMALA DEVI A/P THIRUMALAI C.A.(M))

b.p Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor